

1MDB: Kabinet sepakat biar proses menentukannya, kata Khairy
The Malaysian Insider
July 8, 2015

Kabinet mengambil pendirian bersama semua pihak perlu memberi peluang kepada proses untuk berjalan dengan sewajarnya berhubung dakwaan pemindahan dana 1MDB ke dalam akaun bank peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata pada mesyuaratnya hari ini, Kabinet membincangkan isu semasa, termasuk artikel The Wall Street Journal (WSJ) tentang perkara itu.

"Perbincangan dimulakan dengan perdana menteri menyatakan beliau sedang menimbang untuk mengambil tindakan undang-undang, dan seperti yang anda semua maklum, peguam yang mewakili perdana menteri akan menghantar surat kepada WSJ," katanya.

Khairy berkata demikian kepada pemberita selepas upacara pelancaran program Fellowship Perdana 2015 oleh Najib di Perdana Putra di Putrajaya, hari ini.

Katanya, selagi pasukan petugas khas yang ditubuhkan untuk menyiasat tuduhan itu belum mengemukakan hasil siasatannya, adalah pramatang untuk membuat sebarang keputusan tentang perkara itu.

Ditanya sama ada tuduhan itu merupakan suatu konspirasi untuk menyingkirkan perdana menteri, beliau berkata: "Saya tak melihatnya begitu. Saya tak boleh beri komen."

Jumaat lepas, WSJ menyiarkan laporan yang mendakwa hampir AS\$700 juta (RM2.6 bilion) dana daripada syarikat pelaburan kerajaan, 1Malaysia Development Berhad, disalurkan ke dalam akaun bank peribadi perdana menteri.

Pada hari sama, Pejabat Perdana Menteri menafikan laporan WSJ itu dan berkata ia merupakan sabotaj politik bagi menumbangkan seorang perdana menteri yang dipilih secara demokratik.

1MDB juga menjelaskan ia tidak pernah menyalurkan dana ke dalam akaun peribadi Najib.

Pasukan petugas khas itu membekukan 6 akaun bank yang mempunyai kaitan dengan kes berkenaan.

Hari ini, pegawai pasukan petugas khas itu berkunjung ke pejabat 1MDB untuk menjalankan siasatan. – Bernama, 8 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

[http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/1mdb-kabinet-sepakat-biar-pr
oses-menentukannya-kata-khairy](http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/1mdb-kabinet-sepakat-biar-pr
oses-menentukannya-kata-khairy)